



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 15 OGOS 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TUAIAN PERTAMA HASIL 18.4 TAN, LOKAL, HARIAN METRO – 19	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	15 TAN TIMUN MANFAAT 1,500 PENDUDUK, LOKAL , HARIAN METRO – 21	
3.	PPK KUALA LANGAT ANJUR PROGRAM PETIK ROCK MELON, KOMUNITI KITA, UTUSAN MALAYSIA – 24	
4.	PENDUDUK KAMPUNG ORANG ASLI PUTRA KESAL SUNGAI DITUBA, LOKAL, HARIAN METRO – 12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	TIADA KOMPROMI JIKA TERNAK DI SUNGAI PAHANG, LOKAL, HARIAN METRO – 12	
6.	PERKASA ILMU PEMASARAN BERASASKAN TEKNOLOGI, BISNES, HARIAN METRO – 22	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2025	HARIAN METRO	LOKAL	19

Tuaian pertama hasil 18.4 tan

Projek rintis bawang merah diusahakan 10 petani di Bachok tunjuk hasil memberangsangkan

Bernama

Bachok

Kebergantungan bekalan bawang dari negara luar dapat diatasi apabila projek penanaman bawang di Kelantan dijangka menghasilkan 18.4 tan dalam tuaian pertama bermula semalam.

Pengarah Pertanian Kelantan, NorBahani Zakaria berkata, hasil itu membolehkan penanaman bawang merah varieti 'Baw 1' dan 'Baw 2', dengan keluasan tanah 4.6 hektar di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Telong di sini.

Katanya, penanaman menggunakan kaedah secara konvensional dan fertigasi gantung itu diusahakan 10 petani bagi menjayakan projek rintis ini yang bermula sejak Jun.

"Kami melakukan tuaian pertama hari ini (semalam) kerana mencapai peringkat sesuai untuk dituai iaitu sekitar tempoh dua bulan untuk menjadi matang.

"Setakat ini, kami melihat hasil diraih memuaskan.

"Malah, untuk setakat hari ini (semalam) sahaja



PENOLONG Pegawai Pertanian, Azmi Ismail (kiri) bersama peserta menunjukkan bawang yang baru dituai selepas Majlis Penuaian Bawang bagi projek Tanaman Peringkat Negeri Kelantan 2025. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

pengusaha mampu meraih 250 kilogram bawang. Kita menjangkakan hasil ini bertambah dari semasa ke semasa dan mencapai sa-

saran 18.4 tan menjelang akhir bulan ini," katanya selepas Majlis Penuaian Bawang bagi Projek Tanaman Bawang Peringkat Negeri

Kelantan di TKPM Telong, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan

Komoditi negeri Datuk Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

NorBahani berkata, hasil tuaian pertama itu disasar-

kan kepada pasaran tempatan termasuk ke pasar raya dan sebagainya, malah dari segi harga ia diputuskan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan mengikut harga semasa.

Beliau berkata, projek penanaman bawang itu bakal diperluas ke jajahan lain termasuk Tanah Merah, Pasir Mas dan Jeli, sekali gus sasaran hasil tuaian 100 metrik tan menjelang akhir tahun ini untuk diusahakan di atas tanah 30 hektar di seluruh negeri, tercapai.

"Bagi projek tanaman akan datang, ia membolehkan lebih 50 pengusaha di jajahan lain. Inisiatif kerajaan negeri bersama Persekutuan menerusi projek penanaman bawang ini dilihat mampu meningkatkan pengeluaran bawang tempatan.

"Malah, ia dapat memperkukuh sekuriti makanan negara serta sebahagian daripada pelan strategik bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap import bawang dan membuka peluang ekonomi kepada usahawan tani di Kelantan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2025	HARIAN METRO	LOKAL	21

15 tan timun manfaat 1,500 penduduk

Gua Musang: Usahakan projek penanaman timun secara fertigasi di tanah terbiar yang membuahkan hasil menecah 15 tan timun bagi setiap tuaian.

Itu antara kerjasama penduduk Kampung Batu Papan di sini, yang mampu meraih pendapatan stabil melalui hasil jualan timun.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Kampung Batu Papan, Mohd Iskandar Abu Bakar berkata, projek diusahakan penduduk kampung itu kini memasuki musim ketiga penanaman timun.

Menurutnya, melalui Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI), RM100,000 diperuntukkan bagi setiap komuniti terpilih bagi menayakan projek itu.

"Penduduk Kampung Batu Papan bergotong-royong mengusahakan tanaman timun secara fertigasi gantung sejak Ogos tahun lalu.



PENDUDUK memetik timun yang ditanam secara gantung di Kampung Batu Papan. -Gambar NSTP/PAYA LINDA YAHYA

"Dianggarkan bagi musim ketiga ini, lebih 15 tan timun membuahkan hasil dan memberi manfaat ke-

pada lebih 1,500 penduduk.

"Melalui hasil diperoleh, kami gunakan ia untuk pu-

singan modal bagi tanaman semula dan membantu pelbagai program mem-babitkan semua komuniti di Kampung Batu Papan.

"Bagi projek timun secara fertigasi gantung ini, kami memperuntukkan RM80,000 membabitkan kos sewa tanah, pembelian peralatan dan pengurusan manakala RM20,000 untuk melaksanakan projek kitar semula di penempatan ini," katanya.

Sementara itu, Pengurus Projek Fertigasi Timun Kampung Batu Papan, Muhammad Farid Abdul Hadi, 37, berkata, penanaman secara fertigasi ini hanya memerlukan masa 45 hari sebelum hasil dituai.

Katanya, sehingga kini 2,000 polibeg timun secara fertigasi gantung diusahakan penduduk yang turut mendapat peluang pekerjaan secara separuh masa mengusahakan kebun.

"Timun dijual secara borong kepada beberapa pasar raya di daerah ini dengan harga RM1.50 sekilogram," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2025	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	24



PPK Kuala Langat anjur program petik rock melon

SEMPENA Bulan Kemerdekaan tahun ini, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat memberi peluang kepada orang ramai merasai pengalaman memilih dan memetik buah rock melon.

Pengerusi PPK Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah berkata, program tersebut diadakan sekali lagi pada Bulan Kemerdekaan tahun ini setelah pelancaran program tersebut bulan Jun lalu mendapat sambutan menggalakkan.

Katanya, diadakan melibatkan masa tuaian sebenar oleh itu orang ramai diminta merujuk akaun media sosial PPK Kuala Langat seperti Facebook dan Tik Tok bagi mendapat maklumat terkini mengenainya.

■ **ABDUL Razak Razak Khasbullah** (dua dari kanan) bersama pengunjung yang memetik buah rock melon di PPK Kuala Langat, Selangor.
- **UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2025	HARIAN METRO	LOKAL	12

Penduduk Kampung Orang Asli Putra kesal sungai dituba



ANAK seorang penduduk menunjukkan ikan ditangkap selepas Sungai Pertang berhampiran kampung mereka dituba.
- Gambar NSTP/ABNOR HAMIZAM

Jelevu: Penduduk Kampung Orang Asli Putra di sini, kecewa apabila Sungai Pertang yang dijaga untuk sumber perikanan mereka dipercayai dituba oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) Eddy Apoi berkata, Sungai Pertang melalui kawasan kampungnya dijaga dengan baik sehingga penduduk boleh menikmati ikan dari

sungai berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, dia dimaklumkan kejadian ikan terapung dalam sungai berkenaan kira-kira jam 5 petang kelmarin lalu bergegas ke lokasi untuk melihat apa yang berlaku.

"Saya terkejut dan kecewa dengan kejadian ini. Ia bukan kali pertama, tetapi kali kedua kejadian berlaku sehingga menyebabkan kemusnahan ikan dilepaskan oleh Jabatan Perikanan Negeri Sembilan sebelum ini.

lan sebelum ini.

"Sungai ini dijaga penduduk kampung kerana digunakan untuk pertanian, ia juga tempat untuk penduduk mendapatkan ikan air tawar," katanya.

Eddy berkata, kali pertama aktiviti menuba dipercayai di ulu sungai berlaku 3 Ogos lalu, namun tak menyangka berlaku buat kali kedua kelmarin.

Menurutnya, dia membuat laporan di Pejabat Perikanan Daerah Jelevu dan berharap tindakan un-

dang-undang diambil kepada mereka yang melakukan perbuatan salah dalam menangkap ikan.

"Dianggarkan lebih kurang 20 kilogram ikan kebanyakan lampam jawa dibawa naik oleh penduduk selepas ditemukan terapung," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan Kasim Tawe berkata, pihaknya turut membuat laporan polis mengenai kejadian berkenaan.

IKAN BAUNG EKOR MERAH

Tiada kompromi jika ternak di Sungai Pahang

Kuantan: Kerajaan Pahang melalui Jabatan Perikanan Malaysia tidak berkompromi terhadap individu atau pihak tertentu yang dikesan menternak spesies ikan baung ekor merah di Sungai Pahang.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Pahang, Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak berkata, spesies itu tidak dibenarkan berada di sungai kerana mengancam spesies ikan lain.

Katanya, kehadiran baung ekor merah juga berbahaya dan jika dibiarkan, ikan asli lain seperti patin, gahak dan tapah akan mengalami kepupusan.

"Masalahnya baung ekor merah ini makan semua spesies yang ada dalam sungai dan membesar dengan begitu cepat.

"Oleh itu kerajaan negeri memperkenalkan program kesedaran dan kempen memancing baung ekor merah secara besar-besaran, termasuk Pertandingan Moh! Tangkap Baung Ekor Merah dengan menawarkan hadiah kepada pemenang," katanya.

Mohd Soffi berkata menjawab soalan **Mohd Zakh-**



MOHD Soffi

wan Ahmad Badaruddin (PAS-Kuala Tahan) pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pahang Ke-15 di Wisma Sri Pahang, di sini, semalam.

Mohd Zakhwan mahu mendapatkan penjelasan jangka panjang kerajaan negeri dan Jabatan Perikanan untuk menangani kehadiran spesies ikan asing yang invasif yang berpotensi mengancam ekosistem dan populasi ikan tempatan di sungai Pahang.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, ganjaran akan diberikan kepada mereka yang berjaya menangkap ikan patin muncung hidup berikutan kesukaran mendapatkan spesies itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2025	HARIAN METRO	BISNES	22

Perkasa ilmu pemasaran berasaskan teknologi

Kuala Lumpur: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) baru-baru ini bekerjasama dengan Shopee Malaysia dalam menganjurkan Agromarketing Masterclass Shopee Edition.

Program khas bagi memperkasa usahawan agromakanan tempatan dengan kemahiran pemasaran digital, berlangsung di Ibu Pejabat Shopee, Mid Valley City di sini, pada 26 dan 27 Julai itu.

Ia membabitkan 100 usa-

hawan berdaftar di bawah FAMA terdiri daripada pengusaha produk segar dan berproses.

FAMA dalam kenyataannya berkata, kerjasama itu turut menyokong aspirasi Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13) dan Dasar Keusahawanan Nasional 2030.

Ia khususnya dalam memacu transformasi digital sektor agromakanan serta memperluas peluang pasaran kepada pengeluar tempatan melalui platform e-dagang.

“FAMA yakin pendekatan ini akan menjadikan usahawan agromakanan negara lebih bersedia menghadapi cabaran pasaran digital yang dinamik dan mewujudkan laluan ke arah menembusan pasaran antarabangsa, terutamanya melalui platform e-dagang berskala besar seperti Shopee,” menurut kenyataan itu.

Dalam pada itu, Pengarah Kanan Bahagian Keusahawanan Pemasar FAMA Siti Nurul Haida Ibrahim dalam kenyataan sama ber-

kata, program itu memberi tumpuan kepada pemerksaan ilmu pemasaran berasaskan teknologi, penguasaan platform e-dagang dan penghasilan kandungan promosi yang mampu menarik pelanggan sasaran.

“Sebanyak 400 produk agromakanan, merangkumi pelbagai jenis unit penyimpanan stok (SKU) berjaya disenaraikan di platform Shopee sepanjang pelaksanaan program ini,” katanya.